

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI JOHOR)

TARIKH: 12 OKTOBER 2017

MUKA SURAT: 46



Penuntut dan kakitangan Fakulti Sains UTM menjalani Latihan Pengujian Pelan Kecemasan Nuklear dan Radiologikal dengan bantuan unit Hazmat dan LPTA.

## Saran industri radioaktif sedia pelan kecemasan

**JOHOR BAHRU** - Agensi dan pihak industri yang terlibat dalam pengendalian dan penggunaan bahan radioaktif atau teknologi sinaran disarankan menyediakan Pelan Kecemasan Nuklear dan Radiologikal.

Pakar Pasukan Pengurusan Bahan Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Saifulbahri Safar berkata, pelan itu penting sebagai persediaan sekiranya berlaku kecemasan membabitkan bahan radioaktif.

Menurutnya, setakat ini hanya

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjalani latihan pengujian Pelan Kecemasan Nuklear dan Radiologikal bersama pihak bomba di negeri ini.

“Bahan radioaktif boleh memudaratkan dan berbahaya kepada orang ramai dan kesemua agensi yang mengendalikan bahan ini perlu mempunyai pelan supaya dapat mengurangkan kesan buruk kepada pekerja, harta benda dan alam sekitar.

“Unit Hazmat bomba sedia bekerjasama dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) dan UTM bagi menggalak-

kan pihak industri menjalani latihan amal” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Latihan Pengujian Pelan Kecemasan Nuklear dan Radiologikal di Makmal Fizik Nuklear, Fakulti Sains, UTM, di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM, Prof Dr Azlan Abdul Rahman berkata, terdapat 138 unsur bahan radioaktif disimpan dan dikendalikan dalam Makmal Fizik Nuklear, Fakulti Sains universiti berkenaan.